

1 MAC 2024 SAMBUTAN HARI HASiL KE-28: PENDEKATAN INSANI, MENDOKONG ASPIRASI MALAYSIA MADANI

1 Mac 2024, Cyberjaya – Tarikh 1 Mac merupakan tarikh ulang tahun Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia (HASiL) yang dinantikan setiap tahun oleh Hasilian sejak diperbadankan pada tahun 1996. Buat julung kalinya, Sambutan Hari HASiL ke-28 Tahun 2024 diraikan selama tiga (3) hari bermula 29 Februari 2024 sehingga 2 Mac 2024 di Perkarangan Menara HASiL Cyberjaya dan turut dimeriahkan dengan penglibatan masyarakat setempat selari dengan pendekatan Malaysia Madani, mensejahterakan rakyat dan mengupaya komuniti.

Majlis perasmian sambutan Hari HASiL ke-28 telah disempurnakan oleh YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim, Perdana Menteri Malaysia merangkap Menteri Kewangan di Dewan Bangsawan, Menara HASiL Cyberjaya. Acara gemilang ini turut disiarkan secara langsung menerusi platform *youtube* HASiL_Malaysia untuk tontonan HASiLian seluruh Malaysia dan umum. Turut hadir, YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah bin Azizan, Menteri Kewangan II, YB Puan Lim Hui Ying, Timbalan Menteri Kewangan, YBhg. Datuk Johan bin Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan, YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL, Timbalan-timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HASiL serta Pengurusan Kanan HASiL.

YAB Perdana Menteri dalam ucapannya menzahirkan ucapan tahniah kepada Hasilian atas pencapaian tertinggi dalam sejarah kutipan cukai langsung berjumlah **RM183.34 bilion pada tahun 2023**. Kutipan cukai langsung yang memberangsangkan turut menjamin kedudukan kewangan negara kukuh, akan mengupayakan pihak kerajaan untuk menerus dan memperbanyakkan agenda pembangunan negara menerusi pendekatan ‘Rahmah’ demi kesejahteraan rakyat. Beliau turut merakamkan penghargaan khususnya kepada para pembayar cukai yang telah melaksanakan tanggungjawab mereka pada tahun 2023.

Sementara itu, YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin dalam ucapannya memberikan jaminan bahawa HASiL akan terus komited, telus dan adil dalam melaksanakan fungsinya sebagai sebuah jentera kerajaan yang memikul amanah dalam mentadbir cukai langsung negara. Tambahnya lagi, HASiL akan memberikan keutamaan dalam menambahbaik dan memberikan perkhidmatan percukaian yang terbaik selaras dengan tema Tahun 2024 iaitu “*Escalate The Passion*”. HASiL akan terus ‘*agile*’ dengan merangka pelbagai strategi percukaian yang berimpak tinggi merangkumi aspek operasi, pengurusan dan pematuhan bagi mendepani cabaran ketidaktentuan dan ketidakstabilan ekonomi semasa dunia.

Pada majlis perasmian sambutan Hari HASiL ke-28 tersebut, sebanyak **TIGA (3)** transformasi sistem baharu bagi capaian umum dan **DUA (2)** inisiatif baharu bagi capaian dalaman HASiL telah dilancarkan bagi menambah baik tadbir urus dalam memperkasa sistem penyampaian perkhidmatan kepada pelanggan.

Tiga (3) transformasi sistem baharu bagi capaian umum tersebut ialah:

Bil.	Sistem Baharu	Penerangan
1.	Sistem e-CKM (Cukai Keuntungan Modal)	Platform yang disediakan oleh HASiL kepada pembayar cukai untuk membuat pelaporan laba atau keuntungan daripada pelupusan aset modal secara dalam talian bagi saham yang tidak tersenarai syarikat yang diperbadankan di Malaysia, atau saham syarikat terkawal diperbadankan di luar Malaysia yang memiliki harta tanah yang terletak di Malaysia.
2.	Profiling Information Systems (PINS)	Sistem pengumpulan maklumat luaran yang dibangunkan bagi memudahkan pihak agensi mengemukakan maklumat untuk disalurkan ke gudang data dan pemegang taruh (<i>stakeholder</i>). PINS berkebolehan melakukan proses validasi dan verifikasi maklumat yang dimasukkan secara automatik.
3.	e-Sekatan Perjalanan	Aplikasi perkhidmatan yang disediakan kepada pembayar cukai individu warganegara Malaysia untuk memohon pembatalan sekatan perjalanan dengan membuat bayaran penuh bagi kes sekatan yang dikenakan secara dalam talian. Dengan adanya aplikasi ini, proses pelepasan sekatan perjalanan akan menjadi lebih mudah serta pantas kerana menggunakan platform MyTax dan ByrHASiL sepenuhnya.



Manakala dua (2) inisiatif baharu bagi capaian dalaman HASiL ialah:

Bil.	Inisiatif Baharu	Penerangan
1.	<i>HASiL Tax Booklet (HTB) 2023</i>	Penerbitan edisi pertama yang menyusun data percukaian bagi topik terpilih yang dilaporkan kepada HASiL dan diterjemahkan kepada maklumat yang informatif sebagai rujukan bagi meningkatkan pemahaman, akauntabiliti dan ketelusan bagi polisi percukaian yang ditadbir oleh HASiL.
2.	<i>Behavioural Insights Tools: Compliance Empowerment</i>	Pendekatan baharu aktiviti pematuhan pada tahun 2024 iaitu memahami dan mempengaruhi gelagat pembayar cukai serta majikan supaya melaporkan pendapatan mereka secara sukarela. Kaedah ini telah diperkenal dan dilaksanakan di negara-negara maju seperti United Kingdom, Sweden dan Netherland.

Hari HASiL ke-28 dimeriahkan lagi dengan Hari Terbuka e-Invois yang merangkumi taklimat, sesi bual bicara dan penerangan kepada pembayar cukai yang menjalankan perniagaan di bawah kategori Perusahaan Mikro, Kecil dan Sederhana (PMKS) dengan penyertaan seramai hampir 500 orang peserta. Sesi taklimat telah disampaikan oleh YBrs. Dr. Rasyidah binti Che Rosli, Pengarah Seksyen Operasi Dasar, HASiL dan YBrs. Encik Saiful Izwan bin Mohd Shazali, Pengarah e-Invois Kebangsaan dan Standardisasi dari Perbadanan Ekonomi Digital Malaysia (MDEC).

Program ini bertujuan membantu pemain industri seperti PMKS memahami konsep pelaksanaan e-Invois yang akan dilaksanakan serta manfaat yang diperolehi kepada perniagaan mereka seperti meningkatkan kecekapan penyimpanan rekod ke arah

pematuhan cukai yang lebih baik, mengurangkan kos operasi perniagaan sekali gus dapat membantu mengembangkan perniagaan sedia ada ke tahap yang lebih tinggi.

Dalam program bual bicara “*Coffee Talk*” pelaksanaan e-Invois pula, menampilkan YBhg. Datuk Hisham bin Rusli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HASiL (Pengurusan), YBrs. Ts Encik Mahadhir bin Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif, MDEC, YBrs. Puan Rihanna Haryati binti Mohd Ramli, Pengurus Besar Kanan Jabatan Kumpulan Cukai, Petroliam Nasional Berhad (PETRONAS) dan YBrs. Encik Desmond Law, Ketua Pegawai Eksekutif SQL.

Sebagai tanda penghargaan HASiL, sebanyak sepuluh (10) pembayar cukai daripada kategori syarikat korporat yang mempamerkan prestasi pematuhan yang tinggi dalam tahun 2023 telah dipilih untuk dinobatkan sebagai penerima Anugerah Pembayar Cukai Terbaik. Pemilihan penerima anugerah ini telah dibuat berdasarkan kepada kriteria-kriteria yang telah ditetapkan. Penerima **Anugerah Pembayar Cukai Terbaik** bagi tahun 2023 adalah seperti yang berikut:

1. Uniqlo (M) Sdn Bhd
2. Louis Vuitton (M) Sdn Bhd
3. Mitsubishi Motors Malaysia Sdn. Bhd
4. Agrobank
5. Time Dotcom Berhad
6. Celestica Electronics (M) Sdn Bhd
7. NXP Malaysia Sdn. Bhd
8. Technocom Systems Sdn. Bhd
9. Samsung Electronics (M) Sdn. Bhd
10. TPM Technopark Sdn. Bhd

[@HASiLMalaysia](#)[@HASiL_Malaysia](#)[@hasil_malaysia](#)[@HASiL_Malaysia](#)[@hasil_malaysia](#)

HASiL turut menyampaikan penghargaan kepada **Rakan Strategik HASiL (RASH)** yang dilantik bagi sesi 2023/2024 atas sumbangan mereka sebagai mempengaruhi dalam membantu HASiL menyebarkan luas maklumat percukaian terkini kepada masyarakat. Antara yang hadir memeriahkan sambutan Hari HASiL kali ini ialah:

1. Fedtri Yahya
2. Dr Azizul
3. Financial Faiz
4. Marc Sadique
5. Iman Abdul Rahim
6. Dr. Malar
7. Papayen
8. Isa Isarb
9. Datuk Dr Izhar

HASiL turut mengiktiraf lima (5) orang dari Hasilian sebagai penerima Anugerah '*Most Outstanding Hasilian*' (MOH) bagi tahun 2023 atas kecemerlangan, profesionalisme, integriti dan nilai *versatile* yang telah ditunjukkan. Senarai penerima Anugerah '*Most Outstanding Hasilian*' adalah seperti yang berikut:

1. Cik Marzuin binti Ismail, Jabatan Pengurusan Insan
2. Encik Redzwan bin Ahmad Amiruddin, Jabatan Khidmat Korporat
3. Encik Mohd Shukri Bin Saad, Jabatan Dasar Percukaian
4. Puan Nur Aida binti Jamaludin , HASiL Selangor
5. Encik Muhamad Firdaus bin Tukiman , HASiL WP Kuala Lumpur

Pelbagai aktiviti dan program menarik diadakan sepanjang sambutan Hari HASiL Ke-28 menanti pengunjung di tapak karnival sehingga 2 Mac 2024 seperti Festival Makanan Malaysia-Thailand, Gerai Jualan, Kaunter Perkhidmatan Agensi Awam dan Swasta, Kaunter e-Invois, *HASiL Run 2024*, *Netball 3 on 3*, *Street Soccer 3 on 3*, *Runbike Race*, *e-Sport Challenge*, Pertandingan Mewarna Kanak-Kanak, Sayembara Puisi Kedamaian, Majlis Bacaan Yasin dan Doa Selamat dan *Podcast Bersama Rakan Strategik HASiL*.

Untuk sebarang pertanyaan serta maklum balas, sila hubungi kami menerusi:

- a) Hasil Contact Centre (HCC) di talian 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (Luar Negara);
- b) HASiL Live Chat; dan
- c) Borang Maklum Balas di Portal Rasmi HASiL di pautan pantas <https://maklumbalaspelanggan.hasil.gov.my/Public/>

SEKIAN, TERIMA KASIH.

ESCALATE THE PASSION

Dikeluarkan Oleh:

**Bahagian Perhubungan Awam dan Multimedia | Jabatan Khidmat Korporat
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia**

Hasil Contact Centre: 03-8911 1000 / 603-8911 1000 (luar negara)

Portal Rasmi : www.hasil.gov.my

Tarikh: 1 Mac 2024

LAMPIRAN



YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim menyampaikan ucapan perasmian sempena sambutan Hari HASiL ke-28 di Menara Hasil, Cyberjaya hari ini.



Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan menyempurnakan gimik pelancaran diiringi oleh YB Senator Datuk Seri Amir Hamzah bin Azizan, Menteri Kewangan II (dua dari kiri), YB Puan Lim Hui Ying, Timbalan Menteri Kewangan (satu dari kiri), YBhg. Datuk Johan bin Mahmood Merican, Ketua Setiausaha Perbendaharaan (dua dari kanan) dan YBhg. Datuk Dr. Abu Tariq bin Jamaluddin, Ketua Pegawai Eksekutif HASiL (satu dari kanan) sempena sambutan Hari HASiL ke-28.

[@HASiLMalaysia](#)[@HASiL_Malaysia](#)[@hasil_malaysia](#)[@HASiL_Malaysia](#)[@hasil_malaysia](#)



YAB Dato' Seri Anwar bin Ibrahim bergambar kenang-kenangan bersama-sama dengan tetamu jemputan sempena sambutan Hari HASiL ke-28.



YBhg. Datuk Hisham bin Rusli, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif HASiL (Pengurusan) (dua dari kiri), YBrs. Ts Encik Mahadhir bin Aziz, Ketua Pegawai Eksekutif, MDEC (tengah), YBrs. Puan Rihanna Haryati binti Mohd Ramli, Pengurus Besar Kanan Jabatan Kumpulan Cukai, PetroliaM Nasional Berhad (PETRONAS) (satu dari kanan) dan YBrs. Encik Desmond Law, Ketua Pegawai Eksekutif SQL (dua dari kanan) dalam program bual bicara "Coffee Talk" pelaksanaan e-Invois sempena sambutan Hari HASiL ke-28 hari ini.



@HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



KPE HASiL mengambil peluang bergambar bersama dengan petugas kaunter reruai e-Invois.



@HASiLMalaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia



@HASiL_Malaysia



@hasil_malaysia